



Faculty of Applied and Creative Arts

**FAKTOR - FAKTOR YANG MENDORONG PENONTON DATANG KE
PERSEMBAHAN TEATER**

NURUL AIMI BINTI RAMLI

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2016

FAKTOR – FAKTOR YANG MENDORONG PENONTON DATANG KE PERSEMBAHAN
TEATER

NURUL AIMI BINTI RAMLI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

Projek bertajuk ‘ **Faktor – Faktor yang Mendorong Penonton Datang ke Persembahan Teater** ‘ telah disediakan oleh **Nurul Aimi binti Ramli** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

Tarikh:.....

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

.....

(NURUL AIMI BINTI RAMLI)

43469

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Selamat Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA, kajian yang dijalankan ini dapat disiapkan secara sempurna. Setinggi – tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak – pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menyiapkan kajian berkenaan faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater.

Di samping itu, ucapan ribuan terima kasih kepada pensyarah – pensyarah terutama kepada penyelia Projek Tahun Akhir iaitu Encik Mohd Fahmi bin Yahaya yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan.

Selain itu, ribuan terima kasih kepada ibu bapa serta keluarga atas dorongan, nasihat dan sokongan kata – kata semangat malahan bantuan kewangan semasa menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Tanpa berkat dan doa ibu bapa dan keluarga maka kajian ini tidak dapat disiapkan dengan baik dan sempurna.

Ucapan terima kasih kepada rakan – rakan seperjuangan atas sokongan dan perkongsian ilmu sepanjang menjalankan kajian ini. Akhir kata, kerjasama dan pertolongan amat dihargai.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Skop Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Rumusan Bab	6
2.0 KAJIAN LITERATUR	

2.1 Pengenalan Bab	8
2.2 Teater	8
2.3 Penonton Teater	9
2.4 Faktor yang Mendorong	10
2.4.1 Hiburan	
2.4.2 Pelakon	
2.4.3 Interaksi Sosial	
2.4.4 Pengalaman	
2.4.5 Fahaman Kumpulan yang Sama	
2.5 Rumusan Bab	22
3.0 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan Bab	23
3.2 Sampel Kajian	23
3.2.1 Sampel	
3.2.2 Populasi	
3.3 Instrumen Kajian	24
3.3.1 Borang Soal Selidik	
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	28

3.5 Kaedah Analisis Data	29
3.6 Rumusan Bab	30
4.0 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan Bab	31
4.2 Analisis Deskriptif	31
4.2.1 Demografik	
4.3 Graf Scree Plot	37
4.4 Jadual Analisis Faktor	38
4.5 Rumusan Bab	43
5.0 CADANGAN KERANGKA KAJIAN, PERBINCANGAN, RINGKASAN KESELURUHAN BAB, LIMITASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan Bab	44
5.2 Cadangan Kerangka Kajian	44
5.3 Perbincangan	45
5.3.1 Analisis Faktor	
5.3.2 Faktor Hiburan	

5.3.3	Faktor Pelakon	
5.3.4	Faktor Interaksi Sosial	
5.3.5	Faktor Pengalaman	
5.3.6	Faktor Fahaman Kumpulan yang Sama	
5.4	Ringkasan Keseluruhan Bab	50
5.5	Limitasi dan Cadangan	52
5.6	Kesimpulan	52
5.7	Rumusan Bab	54
	Rujukan	55
	Lampiran A	61
	Lampiran B	67

ABSTRAK

Motivasi atau pendorong merupakan sebuah keputusan atau matlamat yang dipengaruhi kehendak dan keperluan individu. Kajian ini lebih fokus kepada seni persembahan teater di Malaysia. Objektif kajian untuk mengenalpasti faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater dari segi hiburan, pelakon, interaksi sosial, pengalaman dan fahaman kumpulan yang sama. Kaedah pengumpulan data menggunakan data primer dan sekunder. Data primer merupakan kerja lapangan melalui edaran soal selidik secara rawak semasa pementasan teater manakala data sekunder merupakan maklumat yang dirujuk melalui buku, kajian lepas dan artikel. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Sampel kajian ini dilakukan ke atas 200 responden yang datang ke persembahan teater. Kaedah analisa data menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23. Hasil dapatan kajian diperolehi berdasarkan analisa frekuensi deskriptif, ujian kebolehppercayaan dan analisa faktor. Melalui analisa faktor, pembolehubah yang mempunyai kaitan dengan item dapat dikenalpasti. Faktor yang paling tinggi mempengaruhi penonton datang ke persembahan teater dikenalpasti. Hasil dapatan kajian ini dikukuhkan dengan bukti kajian lepas jurnal dari luar negara namun berbeza skop kajian. Hasil dapatan kajian ini penting sebagai rujukan dan maklumat kepada organisasi teater dan pengkaji akan datang terhadap faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater. Melalui hasil dapatan kajian ini sebuah kerangka kajian yang baru telah dibentuk sebagai cadangan kerangka kajian.

Kata kunci : motivasi, dipengaruhi, pembolehubah, penonton

ABSTRACT

Motivation is a decision or goal influenced by needs and requirements of individual. This research is focus to theatre arts performing in Malaysia. The purpose of this research is to determine the motives of attendees based on entertainment, actor, social interaction, experiences and group affiliation. The data collections are divided into two methods which are primary data and secondary data. The primary data is a fieldwork through distribution of questionnaire in a random way while secondary data is references from journal, book and article. 200 respondents has been selected as sample in this study. Quantitative method was used and analysed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 23. The research result obtain based on demographic frequency, reliability test and analysis factor. The findings of this study has been strengthen with the proof obtained from past researcher and journal from other country with different scope of research. Based on factor analysis, variable correlates with item have been identified. The means has been calculated to find of factor influenced spectator to attend the theatre performance is identified. The basic conceptual frameworks have been constructed based on data collected. The data will be a source of information and references for theatre organization and future researcher in identifying the motives influence the spectators to attend theatre performance.

Keywords : motivation, influence, variable, spectators

SENARAI RAJAH

	Perkara	Muka Surat
2.1	Rajah Proses Membuat Keputusan	17
4.1	Bilangan Hadir ke Persembahan Teater dalam Setahun	34
4.2	Umur Responden	34
4.3	Taraf Pendidikan Responden	35
4.4	Pendapatan Responden	36
4.5	Graf Scree Plot	37
5.1	Rajah Cadangan Kerangka Kajian	44

SENARAI JADUAL

	Perkara	Muka Surat
3.1	Skala Likert	26
3.2	Hiburan	26
3.3	Pelakon	27
3.4	Interaksi Sosial	27
3.5	Pengalaman	27
3.6	Fahaman Kumpulan yang Sama	28
4.1	Jadual Demografik	31
4.2	Jadual Analisis Faktor	38
4.3	Jadual Ujian KMO dan Bartlett's	40
4.4	Jadual Kiraan <i>Mean</i>	42

SENARAI SINGKATAN

SPSS – Statistical Package for the Social Sciences

PAC – Performing Arts Centre

UNIMAS/NC-20.03/04-28/03 JLD. 5 (118)

28 Disember 2015

Encik Ooi Kee How
Performing Arts Centre of Penang
Quay 1, Straits Quay, Level 3A
Jalan Sri Tanjung
10470 Tanjung Bungah
PULAU PINANG

Tel : +604-8991722

Tuan,

Pengesahan Sebagai Pelajar dan Permohonan Untuk Membuat Penyelidikan Projek Tahun Akhir (PTA)

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah pelajar Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

1. Nurul Aimi Binti Ramli (43469)

Sehubungan dengan itu sukacita kiranya pihak tuan dapat memberikan kebenaran dan kerjasama bagi membolehkan pelajar berkenaan mendapatkan maklumat yang diperlukan di organisasi tuan bagi melengkapkan kajian beliau. Tajuk penyelidikan pelajar berkenaan ialah **Faktor-Faktor yang Mendorong Penonton Datang ke Persembahan Teater**.


Untuk makluman pihak tuan, hasil kajian tersebut hanya untuk kegunaan akademik bagi pihak fakulti dan universiti sahaja di mana ianya tidak akan diedarkan secara umum bagi tujuan keselamatan dan integriti pihak tuan.

Sekiranya pihak tuan memerlukan sebarang maklumat atau pertanyaan, silalah berhubung terus di talian 082-581338 (pejabat)/012-4211082 (pelajar).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan amat dihargai. Semoga kerjasama ini akan dapat membantu kedua-dua pihak di dalam melahirkan modal insan dan organisasi yang kompeten dan efektif.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



Dayang Mazina Awang Batu
Penolong Pendaftar



UNIMAS/NC-20.03/04-28/03 JLD. 5 (208)

7 Januari 2016

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang
Kompleks Pusaka Warisan Seni
Lot No. 2180, Jalan Rawang Off Jalan P.Ramlee
10460 **PULAU PINANG**

Tel : +604-2817791

Tuan/Puan,

Pengesahan Sebagai Pelajar dan Permohonan Untuk Membuat Temubual Bagi Penyelidikan Projek Tahun Akhir (PTA)

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah pelajar Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

1. Nurul Aimi Binti Ramli (43469)

Sehubungan dengan itu sukacita kiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kebenaran dan kerjasama bagi membolehkan pelajar berkenaan mendapatkan maklumat yang diperlukan di organisasi tuan/puan bagi melengkapkan kajian beliau. Tajuk penyelidikan pelajar berkenaan ialah **Faktor-Faktor yang Mendorong Penonton Datang ke Persembahan Teater**.


Untuk makluman pihak tuan/puan, hasil kajian tersebut hanya untuk kegunaan akademik bagi pihak fakulti dan universiti sahaja di mana ianya tidak akan diedarkan secara umum bagi tujuan keselamatan dan integriti pihak tuan/puan.

Sekiranya pihak tuan/puan memerlukan sebarang maklumat atau pertanyaan, silalah berhubung terus di talian 082-581338 (pejabat)/012-4211082 (pelajar).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amat dihargai. Semoga kerjasama ini akan dapat membantu kedua-dua pihak di dalam melahirkan modal insan dan organisasi yang kompeten dan efektif.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



Dayang Mazina Awang Batu
Penolong Pendaftar



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

‘ Teater wujud semasa lampu menyala, ia hilang apabila lampu dipadam ‘ pepatah ayat ini dikaitkan dengan seni persembahan teater yang memberi maksud teater hanya wujud semasa waktu pementasan dan hilang selepas persembahan tamat. Terdapat perbezaan istilah drama dan teater iaitu ‘ drama ‘ berbentuk sastera dan skrip manakala ‘ teater ‘ berbentuk pementasan dan karakter – karakter yang dilakukan di hadapan penonton (Mee, 2001) Teater merupakan penceritaan terhadap kehidupan seseorang dimana terdapat lakonan dan penceritaan di dalamnya (Wilson & Goldfarb, 2010)

Ciri – ciri atau elemen – elemen yang terdapat dalam teater adalah penonton, penghibur, pengarah produksi, tujuan teater dipentaskan, penulis skrip dan persekitaran produksi. Jenis teater tragedi dan serius drama, komedi dan tragikomedi, teater muzikal, dan kepelbagaian teater. Tragedi drama dapat dibahagi kepada dua iaitu tradisional dan moden tragedi. Tragedi drama tradisional ialah hasil kerja daripada beberapa tempoh era yang lepas serta karakter hero dan heroin dalam tragedi drama daripada gabungan kedudukan dan personaliti. Pada abad ke 19 dan ke 20, tragedi moden berlaku serta karakter yang dilakukan berubah mengikut perubahan era. Bagi jenis komedi pula, individu yang mereka komedi tidak semestinya mengambil remeh atau kurang peduli dengan perkara – perkara yang penting akan tetapi lebih mereka skrip yang tidak serius dengan cara yang tersendiri manakala tragikomedi adalah gabungan daripada serius dan komedi. Selain itu, jenis

muzikal teater merupakan gabungan drama, muzik, lagu dan lakonan yang dipentaskan kepada penonton. Di samping itu, kepelbagaian teater adalah gabungan berbilang budaya (multicultural) dan berbilang etnik (multiethnic) seperti African American Theater, Asian American Theater, Teater Feminin, dan Teater Kepelbagaian Budaya (Wilson, 2001)

1.2 SKOP KAJIAN

Seni persembahan merupakan sebuah persembahan pentas yang dilakukan secara langsung atau terus kepada penonton ataupun dihadapan umum yang melibatkan elemen asas seperti masa, ruang, tempat dan hubungan antara artis dan penonton. Seni persembahan dipentaskan kepada penonton ataupun umum melalui skrip atau tanpa skrip, secara rawak, secara spontan atau dirancang secara teliti dan jelas. Selain itu, seni persembahan ialah isu dan perkara yang ingin disampaikan kepada umum. Seni persembahan terbahagi kepada tiga bidang utama iaitu teater, muzik dan tarian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah fokus kepada bidang seni persembahan teater di Malaysia dan motivasi atau faktor penonton memilih seni persembahan teater. Teater dibahagi kepada beberapa genre dan jenis seperti teater absurd, tradisional, urba, sandiwara, moden, monodrama dan muzikal. Berdasarkan laman sesawang rasmi Jabatan Warisan Negara Malaysia, seni persembahan teater Jikey dan Mek Mulung telah diangkat sebagai seni persembahan warisan di dalam pengisytiharaan warisan kebangsaan 2015.

“ we call theatre the lively art not only because it is existing, suspenseful, and amusing but also because it is alive in a way that makes it different from every other form of dramatic presentation “ teater merupakan persembahan yang

dipersembahkan secara umum yang menunjukkan lakonan, nyanyian, percakapan, reaksi di hadapan penonton. (Edwin Wilson, 2010)

Justeru, kajian ini lebih fokus kepada motivasi penonton iaitu tajuk faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater. Faktor – faktor kajian tersebut adalah hiburan, pelakon, interaksi sosial, pengalaman dan fahaman kumpulan yang sama.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada tahun 2011, ketua pengarah Istana Budaya amat kesal dari segi penglibatan penonton terhadap pementasan teater yang diadakan di Istana Budaya malahan terdapat segelintir penonton yang mempertikaikan apabila Istana Budaya telah membawa masuk pelbagai persembahan yang bersifat komersial (Azizi, 2011)

Persembahan teater yang diadakan di Istana Budaya telah berjaya keluar daripada kutipan yang merundum apabila berlaku peningkatan yang ditunjukkan melalui perbezaan statistik jualan tiket. Perbezaan statistik jualan tiket pada tahun 2013 iaitu sebanyak 9.3 juta dengan kehadiran penonton 125 465 orang penonton manakala pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 20 peratus (Azizi,2015)

Beberapa tahun yang lepas, masih ramai dalam kalangan masyarakat yang kurang mengenali serta menghargai seni teater berskala kecil namun kini lebih ramai masyarakat yang turut sama memperjuangkan seni persembahan teater yang berskala kecil malahan menarik minat masyarakat dalam memberi sokongan kepada seni persembahan teater di Malaysia (Kosmo, 2013) Seni teater berskala besar merupakan teater yang diadakan di Istana Budaya dan pelakon yang terkenal akan membawakan watak janaan cerita manakala teater berskala kecil ialah teater yang

berlangsung di atas pentas yang kecil serta tanpa menggunakan bajet yang besar dan tinggi.

Berdasarkan kepada kajian literatur, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima faktor yang mempengaruhi penonton datang ke persembahan teater iaitu hiburan, pelakon, interaksi sosial, pengalaman dan fahaman kumpulan yang sama. Walaubagaimanapun, faktor – faktor tersebut belum pernah dikenalpasti dalam konteks seni persembahan teater di Malaysia. Hal ini kerana, kebanyakan kajian lepas daripada pengkaji luar negara dan kurang dari skop persembahan teater.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian ataupun penyelidikan yang ingin dijalankan akan terdapat objektif mahupun matlamat yang ingin dicapai apabila melakukan kajian. Antara objektif untuk kajian yang akan dijalankan ini adalah :

- 1) Mengenalpasti faktor – faktor yang mendorong penonton teater di Malaysia untuk hadir ke persembahan teater.

Faktor – faktor yang mendorong dari segi hiburan, pelakon, interaksi sosial, pengalaman dan fahaman kumpulan yang sama bagi penonton hadir ke persembahan teater. Objektif yang ingin dikenalpasti dari segi hiburan disebabkan meninggalkan jadual kerja seharian, inginkan keseronokkan apabila datang ke acara kesenian seperti pementasan teater atau sebagai hiburan kepada diri. Selain itu, ingin melihat sendiri pelakon yang diminati, menonton karakter atau watak yang dibawa dan kesan penyampaian skrip lakonan kepada penonton. Justeru itu, interaksi sosial akan berlaku apabila hadir ke sesebuah acara sama ada ingin meluangkan masa bersama rakan dan keluarga serta berjumpa dengan kenalan baru. Bagi peminat pementasan

teater atau penonton yang hadir, mereka inginkan pengalaman artistik, mendapatkan pengalaman yang berbeza dari acara lain seperti acara sukan dan pesta – pesta. Tujuan seterusnya adalah menganalisis mengenai fahaman kumpulan yang sama dapat mempengaruhi individu ke persembahan teater di mana berkongsi mengenai acara dengan seseorang yang mempunyai minat yang sama dalam pementasan malahan peluang kepada diri sendiri untuk bersama dengan individu lain yang inginkan keseronokkan terhadap diri sendiri.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah faktor – faktor yang mendorong penonton teater di Malaysia untuk hadir ke persembahan teater ?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah mengenalpasti dan mengetahui faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater. Melalui kajian yang dijalankan oleh penyelidik, ia dapat memberi pendedahan maklumat kepada masyarakat berkenaan faktor yang mempengaruhi membuat keputusan untuk hadir ke persembahan teater. Pendedahan maklumat adalah penting kepada masyarakat supaya mengetahui kewujudan teater dalam seni persembahan serta mendorong mereka hadir ke persembahan teater. Justeru itu, melalui hasil dapatan kajian, dapat mengetahui bahawa pentingnya seni persembahan teater dalam Pembangunan Industri Kreatif Negara.

Selain itu, kajian ini adalah membantu pihak universiti atau organisasi meningkatkan seni persembahan teater dengan menghasilkan persembahan teater yang menarik dan mempunyai tahap kualiti yang tinggi. Sebagai contoh, membantu Istana Budaya bagi

meningkatkan jumlah penonton yang datang menonton ke persembahan teater serta menggalakkan pengkarya menghasilkan skrip yang terbaik selain membantu institusi pendidikan seperti ASWARA dan Universiti yang mempunyai program seni persembahan mengetahui sebab yang mendorong penonton datang ke teater seterusnya memikirkan dan mengambil inisiatif menggunakan informasi tersebut bagi meningkatkan pementasan teater di Malaysia.

Malahan, memberi maklumat kepada produksi teater berkenaan faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater supaya dapat meningkatkan servis, lakonan dan promosi persembahan teater. Kajian ini berkepentingan mengenalpasti dan membaik pulih serta membuat pembaharuan yang dapat memberi kesan positif kepada seni persembahan teater dan memenuhi kehendak penonton melalui kenalpastian faktor – faktor yang menyebabkan penonton membeli tiket persembahan teater. Justeru, kajian ini penting untuk mengetahui apresiasi seni yang wujud dalam diri individu dalam bidang kesenian.

Kajian yang dijalankan ini penting kerana mempunyai persamaan dengan skop kajian lepas dari luar negara namun berbeza dari segi lokasi kajian. Ini memberikan maklumat bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai bukti bahawa terdapat kajian yang dijalankan di dalam negara bagi skop persembahan teater.

1.7 RUMUSAN BAB

Bab satu telah menerangkan mengenai skop kajian yang ingin dikaji pengkaji secara terperinci. Selain itu, bab ini menerangkan permasalahan kajian seperti perbezaan statistik kehadiran penonton, penerimaan penonton terhadap teater dan sebagainya. Objektif kajian yang ingin dikaji dijelaskan bagi menjawab persoalan kajian.

Kepentingan kajian ini penting kepada masyarakat, pihak universiti, organisasi teater dan pengkaji akan datang sebagai maklumat dan rujukan berkenaan faktor – faktor yang mendorong penonton datang ke persembahan teater.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN BAB

Kajian literatur menerangkan maklumat yang diperolehi daripada sumber kajian yang dijalankan serta dikenalpasti oleh pengkaji yang lepas. Maklumat juga diperolehi daripada sumber seperti buku, laman sesawang dan artikel akhbar. Melalui kajian literatur, pengkaji dapat membezakan mengenai isu, tajuk dan hasil dapatan yang telah dikaji seterusnya yang perlu dikaji pada masa kini. Di samping itu, bab dua iaitu kajian literatur dapat memberi maklumat menghubungkan dan mengaitkan sesuatu teori dengan tajuk yang ingin dikaji oleh pengkaji dengan lebih terperinci. Kajian literatur ini menerangkan mengenai teater, penonton teater dan faktor yang mendorong dari segi hiburan, pelakon teater, interaksi sosial, pengalaman dan fahaman kumpulan yang sama.

2.2 TEATER

Teater adalah seni dan cermin atau pantulan kepada kehidupan seharian. Pemilihan, medium dan karakter adalah gabungan yang perlu ada dalam pementasan teater. Terdapat pelbagai jenis teater yang memberi perbezaan tujuan dan kadang – kadang yang melebihi daripada tujuan sebenar sebagai menghiburkan, cabaran, inspirasi dan arahan.

Skrip pementasan teater berbeza kerana ditulis daripada pandangan dan pemikiran yang berbeza seperti serius, komik atau gabungan kedua – duanya sekali. Jenis teater yang berbeza mewujudkan jalan cerita, tujuan, penyampaian karakter, kesan dan